TAKAFULINK **DANA EKUITI GLOBAL**

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / *Objektif Dana*

Takafulink Dana Ekuiti Global aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the global equity markets.

Takafulink Dana Ekuiti Global bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah melalui pendedahan terhadap pasaran ekuiti global.

Where the Fund invests
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
Peruntukan Aset

		% NAV
1	abrdn Islamic World Equity Fund	100.46
2	Cash, Deposits & Others	-0.46

Fund Details / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / *Pengurus Pelaburan*	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / *Tarikh Diterbitkan*	08/07/2019
Current Fund Size / *Saiz Dana Terkini*	RM27,162,745.26
Annual Fund Management Charge / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	1.5% p.a.
Current NAV / *NAB Terkini*	RM1.49698

How the Fund has performed / *Prestasi Dana*

Performance Graph / *Jaduan Prestasi Dana*
Takafulink Dana Ekuiti Global Vs. MSCI ACWI Islamic (Shariah) Index



Total Price Movement Over the Following Periods / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / *Pergerakan Harga*	2.76%	7.74%	3.07%	23.30%	22.05%	NA	49.70%
Benchmark / *Penanda Aras*	2.47%	7.29%	5.18%	27.80%	45.25%	NA	69.56%
Outperformance / *Perbezaan Prestasi*	0.29%	0.45%	-2.11%	-4.50%	-23.20%	NA	-19.86%

Source / *Sumber*: N/A, 31 December 2023

TAKAFULINK **DANA EKUITI GLOBAL**

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / *Laporan Bulanan Terkini*

Fund Review & Strategy

The Fund returned 2.76% for the month, outperforming the benchmark return of 2.47% by 0.29%. Year-to-date, The Fund returned 23.30%, underperforming the benchmark return of 27.80% by 4.50%. Global equity markets rose notably over the month due to reduced concerns about inflationary pressures in the world's major economies. Coupled with falling oil prices, investors' hopes have risen that central banks have stopped raising interest rates. However, while the risk of a recession has receded, global growth is still slowing. Other concerns include the ongoing wars in Ukraine and the Middle East, as well as an uncertain outlook for the Chinese economy despite the country's recent stimulus measures. The Target Fund's underweight position in Microsoft added value. After a strong run in October and November, the shares gave up some of their gains in December. Lululemon rallied on the back of continued strong trading momentum in a challenging economic backdrop. Strength in China, better inventories and gross margins led to earnings upgrades for the year. ASML modestly outperformed following optimism surrounding a recovery in key end markets and upward revisions in estimates for semiconductor equipment spending in 2024. On the negative side, Ferrari was weak in December after a very strong run year-to-date. It issued cautious comments on 2024 growth and margin expectations. Synopsys weighed on relative returns. Despite reporting fourth quarter results that beat expectations and issuing guidance that was ahead of expectations, the shares underperformed, suggesting buyside expectations heading into the print were high and /or the shares may have been subject to some profit-taking following a strong run. Towards the end of the month, it emerged Synopsys was in talks to acquire Ansys. Manhattan Associates has performed very well year-to-date and saw some profit taking in December. The Target Fund initiated a new position in Canadian Pacific Kansas City. The company has the strongest growth outlook amongst North American railway businesses. They exited Syngene International as it is no longer in the benchmark.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menghasilkan pulangan 2.76% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 2.47% dengan perbezaan 0.29%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memperoleh pulangan 23.30%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 27.80% dengan perbezaan 4.50%. Pasaran ekuiti global meningkat dengan ketara di sepanjang bulan disebabkan oleh berkurangnya kebimbangan mengenai tekanan inflasi dalam ekonomi utama dunia. Ditambah dengan kejatuhan harga minyak, harapan pelabur semakin mekar bahawa bank pusat telah menghentikan kenaikan kadar faedah. Meskipun risiko kemelesetan surut, namun pertumbuhan global masih perlahan. Kebimbangan lain termasuk peperangan yang berterusan di Ukraine dan Timur Tengah, serta prospek ekonomi China yang tidak menentu walaupun langkah-langkah rangsangan diperkenalkan di negara tersebut baru-baru ini. Kedudukan kekurangan pegangan Dana Sasaran dalam Microsoft menambah nilai. Selepas peningkatan yang mantap pada Oktober dan November, saham-saham tersebut melepaskan sebahagian daripada keuntungan pada Disember. Lululemon meningkat di belakang momentum dagangan yang terus menerus kukuh dalam latar belakang ekonomi yang mencabar. Kekuatan di China, inventori yang lebih baik dan margin kasar membawa kepada peningkatan pendapatan pada tahun tersebut. ASML berprestasi baik secara sederhana berikutan keyakinan yang mengelilingi pemulihan pasaran akhir utama dan semakan menaik anggaran perbelanjaan peralatan semikonduktor pada 2024. Meninjau sudut negatif, Ferrari berprestasi lemah pada Disember selepas meningkat begitu mantap pada tahun ini. Ia mengeluarkan ulasan berhati-hati mengenai pertumbuhan 2024 dan jangkaan margin. Synopsys menghimpit pulangan relatif. Meskipun ia melaporkan keputusan suku keempat yang mengatasi jangkaan dan mengeluarkan panduan yang juga mendahului jangkaan, namun saham berprestasi hambar, mencadangkan jangkaan sisi belian menuju cetakan adalah tinggi dan/ atau saham mungkin tertakluk kepada beberapa pengambilan untung berikutan peningkatan yang mantap. Menjelang penghujung bulan, Synopsys kelihatan berbincang untuk mengambil alih Ansys. Manhattan Associates telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dari tahun ke tahun dan merakamkan beberapa ativiti pengambilan untung pada Disember. Dana Sasaran memulakan kedudukan baharu di Canadian Pacific Kansas City. Syarikat itu mempunyai prospek pertumbuhan paling kukuh dalam kalangan pengusaha kereta api Amerika Utara. Dana keluar dari Syngene International kerana ia tidak lagi berada dalam penanda aras.

Source / *Sumber*: Fund Commentary, December 2023, N/A

Disclaimer
Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise . Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures . In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.
www.prubsn.com.my customer@prubsn.com.my 03 2778 3888 prubsn prubsn_official

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL